

22 JUN 2001

Umno-Reaksi (Bahas)

ISU BANYAK JAWATAN JEJAS PERANAN PEMIMPIN UMNO TIDAK TIMBUL

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Setiap pemimpin Umno diberi tanggungjawab sama ada dalam kerajaan atau organisasi mengikut kebolehan masing-masing dan terserah kepada mereka untuk membahagikan masa dalam melaksanakan tanggungjawab itu, kata Naib Presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Oleh itu katanya, tidak timbul isu bahawa pemimpin parti yang memegang banyak jawatan gagal dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap Umno kerana sibuk dengan tugas lain.

"Saya rasa ini soal pembahagian masa. Kalau dapat dibahagikan tentu tidak timbul masalah. Saya tengok ramai rakan yang mampu melakukannya," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Perhimpunan Agung Umno di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas saranan wakil Kelantan Datuk Ibrahim Ali semasa membahaskan ucapan dasar presiden yang meminta Umno menghadkan jawatan lain yang boleh dipegang pemimpin parti bagi membolehkan pemimpin berkenaan menumpukan perhatian kepada perjuangan Umno.

Muhyiddin berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden Umno sentiasa mengingatkan Jemaah Menteri supaya mengutamakan tugas politik memandangkan Umno sekarang menghadapi cabaran yang getir.

"Tugas rasmi ada pasukan sokongan tetapi tugas politik adalah tanggungjawab peribadi. Kita tidak boleh hantar wakil turun ke bawah untuk berjumpa dengan rakyat," katanya.

Bagaimanapun Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak menafikan masa yang dituntut bagi melaksanakan tugas rasmi adalah banyak.

"Kita cuma kena ubah balik, kena strukturkan semula program. Kalau kebetulan ada program politik dan program rasmi pada masa yang sama cuba ubah dan utamakan tugas politik," katanya.

Sementara itu, seorang lagi Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Umno akan menyusun semula gerak kerja parti bagi menjadikannya lebih berkesan ke arah menarik hati rakyat terutamanya penduduk luar bandar untuk terus menyokong Umno.

Bahagian-bahagian Umno juga perlu mengurangkan masalah dalaman masing-masing kerana perpecahan di kalangan anggota Umno bahagian menyukarkan parti untuk melaksanakan apa saja agenda perjuangan parti.

Najib diminta mengulas ucapan wakil Perhubungan Umno Kedah Datuk Badaruddin Amiruldin pada perbahasan usul menyokong ucapan dasar Presiden Umno, yang berkata mesej perjuangan Umno tidak sampai ke peringkat penduduk luar bandar.

Badaruddin meminta pemimpin atasan Umno termasuk anggota Majlis Tertinggi untuk sama-sama turun padang bagi menjelaskan apa-apa isu semasa kepada rakyat terutamanya bagi menangkis serangan pembangkang.

"Kita sama-sama kena baiki keadaan ini. Bukan saja pemimpin di atas, tetapi pemimpin di peringkat bahagian pun mesti buat kerja yang sesuai untuk memantapkan lagi kedudukan kita," kata Najib.

-- BERNAMA

NM MAM AZZ PR